

Ruj. Kami: MBPJ/090100/T/A6/2/JLD12 (54)
Tarikh: 18 September 2014

KENYATAAN AKHBAR

MAKLUM BALAS LAPORAN AKHBAR – *BIG HOLES IN PROPOSED ROAD SYSTEM*, AKHBAR THE STAR BERTARIKH 18 SEPTEMBER 2014 OLEH WARTAWAN SHEILA SRI PRIYA

Merujuk perkara di atas.

1. PEDESTRIAN CROSSING

Majlis telah mengenalpasti 6 lokasi lintasan pejalan kaki yang akan dipasang dengan "push button" disepanjang lingkaran sistem jalan sehalu yang mana akan disediakan di dalam projek Fasa 2 iaitu selepas tempoh percubaan (trial run). Walaubagaimanapun, semasa sesi percubaan (trial run) dalam tempoh 3 bulan ini, Majlis akan menggunakan kemudahan-kemudahan sediaada berdekatan seperti berikut :

Jalan Sultan - penggunaan jejantas pejalan kaki berdekatan di Kompleks C

Jalan Barat - penggunaan lintasan pejalan kaki dengan "push button" sediaada di hadapan Wisma MCIS

Jalan Timur - penggunaan lintasan pejalan kaki dengan "push button" sediaada di hadapan Bangunan TNB

Jalan Utara - penggunaan jejantas pejalan kaki sediaada di Sekolah Sri Petaling dan SMK Bukit Bintang

Jalan Utara - pembinaan lintasan pejalan kaki baru di Jalan Utara berdekatan Stesen LRT Asia Jaya/Hotel Armada

2. EXISTING BUS ROUTES ON JALAN BARAT AND UTARA FLYOVER

Majlis telah mengadakan Mesyuarat bersama semua pengusaha Syarikat Bas terlibat, pihak Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) dan JKR pada 4 September 2014 bagi membincangkan perkara ini dan susulan dari mesyuarat tersebut Majlis telah mengadakan lawatan tapak bersama pihak SPAD / JKR dan Majlis pada 10 September 2014 untuk meninjau tapak di bawah jejambat Jalan Utara - Jalan Barat bagi mendapatkan kelulusan JKR bagi permohonan Syarikat Bas meminta dibenarkan menurunkan penumpang di kedua-dua arah Kuala Lumpur dan Shah Alam.

Sementara menunggu keputusan pihak JKR dan sementara menunggu siapnya pembinaan Stesen BRT di Lebuhraya Persekutuan berdekatan jejambat ini, Majlis telah menasihatkan Syarikat Bas supaya menggunakan laluan berikut semasa sesi percubaan sistem jalan sehalu :

Arah dari Kuala Lumpur ke Shah Alam

Masuk ke Jalan Timur dan terus ke Jalan Sultan, ke Jalan Barat dan susur keluar di jejambat Jalan Barat dan ke pondok perteduhan bas sediada di PJ 8 dan terus keluar ke Lebuhraya Persekutuan menghala ke Shah Alam

Arah dari Shah Alam ke Kuala Lumpur

Susur keluar ke Jalan Utara menghala ke pondok perteduhan bas sediada di Jalan Utara berhadapan Hotel Armada / berdekatan Stesen LRT Asia Jaya dan terus ke Jalan Utara dan susur keluar ke Lebuhraya Persekutuan menghala ke Kuala Lumpur. Dilampirkan pelan cadangan ini untuk rujukan.

Untuk sebarang maklumat dan keterangan lanjut orang ramai boleh melayari laman web rasmi Majlis www.mbpj.gov.my atau menghubungi Jabatan Kejuruteraan Majlis Bandaraya Petaling Jaya, Tingkat 13, Menara MBPJ, Jalan Tengah, 46200 Petaling Jaya di talian 03-7958 4221 atau emel ; jalansehalasek52@mbpj.gov.my.

Di keluarkan oleh:

Sekretariat Media
Unit Perhubungan Awam
Majlis Bandaraya Petaling Jaya

Laman web: www.mbpj.gov.my, facebook: Petaling Jaya City Council, twitter: [pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil), emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/208, Faks : 03-79582695